

HADI TEMUI TUN M SEKALI LAGI

Pertemuan hanya berkisar isu pentadbiran

BH-16/2/2019 m/s: 4

➔ Cadangan Hadi lantik wakil kerajaan negeri ahli MTEN dibawa ke Kabinet

Oleh Fitri Nizam
cnews@nstp.com.my

► Kuala Terengganu

Pertemuan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bersama delegasi PAS diketuai Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang, semalam hanya berkisar mengenai penyelarasan pentadbiran kerajaan negeri dan

Pusat, perlantikan Ahli Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) dan Wang Tunai Petroleum (WTP).

Hadi berkata, pertemuan atas permintaannya itu berhubung beberapa isu berkaitan penyelarasan pentadbiran kerajaan negeri dan Pusat, terutamanya membabitkan projek yang dirancang.

PM beri reaksi positif

Beliau berkata, pertemuan itu mendapat reaksi positif Perdana Menteri, apabila cadangannya melantik wakil daripada kerajaan negeri sebagai ahli MTEN akan dibawa ke mesyuarat Kabinet.

“Berkenaan pelantikan ahli MTE, PAS berpendapat ia perlu diwakili wakil kerajaan negeri kerana segala yang dirancang akan turun kepada negeri maka perlulah ada wakil (dari negeri).

“Selain itu, WTP bagi 2018 juga sudah dijelaskan, manakala bagi tahun ini pembayaran dijangka diteruskan iaitu pada Mac dan Ogos,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Alur Limbat di Dewan Taman Padang Midin, di sini, petang semalam.

Pertemuan di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur, jam 9 pagi semalam, turut disertai Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Bagaimanapun, Hadi mempersoalkan berkaitan hal pembayaran WTP kepada Terengganu berikutan Kerajaan Pusat didakwa memotong hutang daripada keseluruhan bayaran.



Pertemuan Dr Mahathir dan Hadi diadakan di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur, semalam.